

RTM siar nostalgia bekas pekerja bersama Tunku

BH-7/8/2007

Program papar temu bual pemandu, pengiring dan tukang masak PM pertama

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman

GEORGETOWN: Kementerian Penerangan akan menyiarkan rancangan khas 'Nostalgia Bersama Bekas Pekerja Tunku Abdul Rahman' menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dan Jabatan Penerangan sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.

Empat bekas pekerja itu ialah pemandu rasmi, R Kalimuthoo, 82; dua pengawal pengiring, Owen Chung, 75; dan Abdul Samad Mokhtar, 75; serta tukang masak, Salmiah Md Isa, 56.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Chia Kwang Chye, berkata rancangan itu akan memaparkan temu bual eksklusif dengan bekas pekerja mengenai kehidupan di sebalik tabir Perdana Menteri Malaysia pertama.

Menerusi rancangan itu, kisah suka duka Allahyarham Tunku Abdul Rahman sebelum, ketika dan sesudah menjadi Perdana Menteri akan dipaparkan untuk dijadikan teladan kepada rakyat.

"Slot nostalgia ini amat berguna kepada masyarakat kerana ia akan memberi gambaran sebenar sikap dan sifat Tunku sebagai seorang pemimpin yang pintar, bijak, adil dan bertoleransi.

"Ia diharap dapat menyuntik dan meningkatkan semangat kemerdekaan kepada rakyat," katanya pada sidang media selepas majlis Perhimpunan Anak Merdeka Pulau Pinang dan Nostalgia Bersama Bekas Pekerja Tunku di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (Pisa), di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Penerangan, Datuk Abdullah Murad; Pengarah Jabatan Penerangan negeri, Masnoor Ashaari dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Maung, Mansur Musa.

Selain empat bekas pekerja Tunku Abdul Rahman, 32 daripada 71



HAYATI PERJUANGAN: Dari kiri, Kalimuthoo, Abdul Samad, Salmiah dan Chung mengibarkan Jalur Gemilang sempena program Nostalgia Bersama Bekas Pekerja Tunku Abdul Rahman di Pisa, semalam.

penduduk Pulau Pinang yang lahir pada 31 Ogos 1957 hadir pada majlis itu, termasuk dua yang mempunyai nama Merdeka iaitu Mohd Merdeka Ismail dari Penaga dan Lee Li Meng @ Merdeka Lee dari Batu Lintang.

Pada majlis itu, mereka diberikan hamper sebagai tanda penghargaan daripada kementerian berkenaan.

Keempat-empat bekas pekerja Tunku Abdul Rahman menyifatkan Bapa Kemerdekaan Negara sebagai pemimpin yang pintar, pakar strategi dan cekap membuat percaturan dalam isu politik dan sosial.

Tunku Abdul Rahman juga dianggap seorang bapa dan rakan kerana

“ Slot nostalgia ini amat berguna kerana ia akan memberi gambaran sebenar sikap dan sifat Tunku sebagai pemimpin yang pintar, bijak, adil dan bertoleransi”

Chia Kwang Chye
Timbalan Menteri Penerangan

bersikap merendah diri serta pemurah.

Chia berkata, pengalaman bekas pekerja itu penting untuk dikongsi bersama kerana mereka mengetahui peristiwa mengenai sejarah hidup Tunku Abdul Rahman yang tidak diketahui umum.

Katanya, kisah yang akan diceritakan itu lebih menyentuh usaha Tunku Abdul Rahman menuntut kemerdekaan bersama pemimpin lain, di samping sikap toleransi kepada orang bukan Melayu.

"Ia penting kerana menjadi kunci utama untuk mewujudkan keamanan dan keharmonian berkekalan," katanya.